



# Santuni golongan asnaf riqab

## Bantu tangani masalah LGBT agar kembali ke pangkal jalan

**S**ERING dikritik dan dipulaukan hingga tidak mendapat tempat dalam masyarakat. Itu antara sebab golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) termasuk dalam kategori asnaf riqab yang layak menerima wang zakat daripada Lembaga Zakat Selangor.

Signifikan pemberian bantuan itu sebagai tanda kebajikan terhadap mereka dalam menangani masalah dan isu LGBT supaya golongan berkenaan kembali ke pangkal jalan. Ya, itu penjelasan daripada badan berwajib.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pada minggu ini berkongsi antara kes diterima yang wajar diberi perhatian oleh masyarakat dan mengambil iktibar daripadanya:

### KES 1

OMAR (bukan nama sebenar), 24, datang ke Pejabat MAIS, Klang, Selangor. Dia berhasrat untuk mendapatkan bantuan bayaran bagi kos penyakit HIV tahap II dihadapinya. Lelaki itu sebenarnya datang daripada keluarga yang berada dan merupakan graduan sebuah pusat pengajian tinggi. Kepada petugas MAIS, Omar memberitahu bahawa ibu bapanya mempunyai kerjaya tetap dan keluarganya juga harmoni. Dia mempunyai tiga orang adik-beradik. Namun, entah di mana silapnya Omar mula terlibat dengan aktiviti *clubbing* ketika masih belajar. Dari situ, bermulalah kisah hitamnya apabila terjebak dengan hubungan sejenis atau dipanggil gay. Malangnya, ibu bapanya tidak tahu tentang segala aktiviti yang dilakukan dan penyakit dihadapinya.

### KES 2

SEORANG lelaki bujang berusia awal 30-an mempunyai kerjaya yang baik dan tiada masalah kewangan. Hidupnya cukup bertuah apabila dikurniakan ibu bapa yang sangat mengambil berat, selain penyayang. Malangnya, dia terjebak dengan aktiviti seks songsang. Ia gara-gara tersilap memilih kawan. Bukan itu sahaja, dirinya semakin menyimpang daripada ajaran Islam apabila tekad memasang susuk bagi memastikan dirinya kelihatan cantik, selain melakukan beberapa amalan syirik lain. Kini, lelaki itu benar-benar insaf untuk kembali ke pangkal jalan.



**PENGUKUHAN** agama berlandaskan akidah Ahli Sunah Waljamaah penting sebagai salah satu cara untuk mengelakkan diri daripada terjebak dalam sebarang perbuatan yang bertentangan dengan syariat.

DUA kes tersebut memang mempunyai jalan cerita berbeza, tetapi berkisarkan masalah golongan LGBT. Persoalannya, bagaimana kita dapat membantu mereka? Adakah golongan LGBT seperti itu patut dibiarkan sahaja atas alasan 'mereka itu LGBT'?

Kes berkenaan hanya sebahagian yang dikongsikan. Setelah mendekati golongan LGBT itu, hakikatnya banyak isu yang perlu dikupas dan diambil iktibar oleh semua pihak.

Sejak tahun 2012, MAIS telah melaksanakan program-program 'temu seru' dengan penglibatan agensi agama seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan kerjasama ahli-ahli akademik serta agamawan dalam mendekati golongan LGBT. Ia kemudian diperkasakan lagi dengan penubuhan Unit Prihatin Riqab pada tahun 2015 untuk membantu menangani masalah dan isu LGBT agar kembali ke pangkal jalan.

Selari dengan Seksyen 7 (1) dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 yang menyatakan; Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam dalam negeri Selangor selaras dengan hukum syarak.

Bagi memastikan akidah dan sosial umat Islam di Selangor sentiasa kukuh

pada ajaran Islam yang benar, asnaf riqab di Selangor telah difatwakan iaitu mereka yang terbelenggu dengan masalah akidah dan sosial. Maksud belenggu ialah kuasa luaran atau keadaan yang merampas dan menajutahkan maruah serta kebebasan seorang Muslim daripada mengamalkan Islam.

### Fatwa negeri Selangor

Mengikut fatwa negeri Selangor yang diwartakan pada 7 Jun 2012, LGBT termasuk dalam kategori asnaf riqab. Golongan itu dibantu untuk dipulihkan dengan menggunakan wang zakat asnaf riqab daripada Lembaga Zakat Selangor.

Justeru, pihak MAIS melalui Sektor Pembangunan Sosial, Bahagian Pemulihan Riqab melaksanakan tanggungjawab terhadap golongan LGBT berkenaan berdasarkan visi utama iaitu 'Membangunkan asnaf al-riqab ke arah mendapatkan keredaan ALLAH'. Pelbagai program dilaksanakan oleh MAIS melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuklah agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi agama. Tujuannya bukan sekadar memberikan perlindungan atau pemulihan, tetapi juga menyampaikan dakwah dan ilmu Islam kepada golongan berkenaan.

Terdapat empat fasa program yang dilaksanakan MAIS iaitu:

### Fasa satu: Ziarah ke rumah dan outreach ke lapangan

Ziarah individu dan bersua muka buat kali pertama dengan mereka. Tujuannya bagi mengurangkan, seterusnya menghilangkan stigma mereka kepada institusi agama.

### Fasa kedua: Program Ziarah Mahabbah (lawatan) dan Program Penghayatan Islam

Ia berbentuk lawatan sambil belajar, sesi perkongsian dan pengenalan program, sesi ramah mesra kuiz (soalan asas berkaitan Islam dan sejarah setempat), tazkirah selepas solat fardu subuh, aktiviti riadah/sukan, solat berjemaah dan muhasabah diri.

### Fasa ketiga: Kelas Bimbingan Agama (kelas berkala), Perawatan dan Pemulihan, Bantuan dan Kebajikan

Dalam fasa itu, golongan berkenaan disarankan untuk mengikuti kelas-kelas bimbingan agama daripada pembimbing riqab lantikan MAIS yang diadakan pada setiap minggu dengan menerapkan konsep kekeluargaan.

Dari segi kaedah rawatan dan pemulihan pula, ia mengikut rawatan klinikal sepertimana disarankan oleh Kementerian Kesihatan dan Rawatan Spiritual Islam dalam Modul Istitabah MAIS.

Selain itu, golongan LGBT tersebut turut diberikan bantuan mengikut maqasid syariah. Ia bagi meringankan beban mereka seperti dalam bantuan sara hidup, sewa rumah dan sebagainya agar dapat menjalani cara hidup Islam yang sebenar.

### Fasa keempat: Pengukuhan Agama dan Rawatan Spiritual Islam

Aktiviti yang dilakukan menitikberatkan penghayatan dalam pelaksanaan amalan Islam, Rukun Islam dan Rukun Iman. Ketika ini, alumni atau sukarelawan riqab golongan LGBT diwujudkan untuk memudahkan usaha dakwah kepada klien yang baru.

Kesimpulannya, semua pihak perlu memainkan peranan penting khususnya ibu bapa, guru-guru, sahabat handai, masyarakat, agensi-agensi agama, NGO dan badan-badan kerajaan dalam membendung masalah itu.

Pencegahan awal menjadi aspek penting perlu dititikberatkan. Penerapan dan pengukuhan agama secara berterusan juga perlu dipraktikkan oleh setiap individu Muslim berlandaskan akidah Ahli Sunah Waljamaah sebagai salah satu cara untuk mengelakkan diri daripada terjebak kancas golongan tersebut.



Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq



MAISgovmy